

02

EDISI KEDUA



GSMfSR

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

LAKAR DESIGN SHOW 2018 DI PUSAT SAINS NEGARA KEDAH

oleh: Shafila Subri

Program LAKAR DESIGN SHOW 2018 telah berlangsung pada 15 Julai 2018. Ia merupakan program atau aktiviti pelajar tahun akhir bagi jurusan Seni Reka Grafik & Media Digital serta Seni Reka Perindustrian yang mempamerkan hasil rekaan mereka untuk perhatian umum. Hasil rekaan pelajar terbahagi kepada beberapa kategori di mana bagi jurusan Seni Reka Grafik & Media Digital, mereka menghasilkan rekaan grafik yang di inovasikan seperti produk makanan, produk kesihatan, kempen kesedaran, perkhidmatan dan beberapa lagi mengikut keperluan silibus. Manakala bagi Seni Reka Perindustrian hasil rekaan mereka terbahagi kepada beberapa kategori iaitu rekaan perabot, rekaan automotif (skala) dan rekaan produk. Hanya rekaan yang menepati kriteria yang ditetapkan sahaja yang akan dipilih untuk dipamerkan kepada umum. Program ini juga bertujuan untuk mendedahkan peranan pelajar sebagai pemangkin wawasan di masa hadapan di mana ia dapat menerapkan sikap jati diri dan mengukuhkan tahap keyakinan diri para pelajar untuk menjadi golongan yang berwibawa dan berdedikasi.

Objektif utama program ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat luar dan pelajar tentang kepentingan bidang

Seni Reka Grafik & Media Digital dan Seni Reka Perindustrian terhadap keperluan dan penjaan negara khususnya dalam sektor industri dan inovasi selain memberi pengalaman kepada para pelajar dalam mempamerkan hasil rekaan mereka kepada umum.

Antara matlamat Design Show adalah:

- Memperkenalkan kursus Seni Reka Grafik & Media Digital dan Seni Reka Perindustrian kepada umum seterusnya menggalakkan orang umum bahawa kedua-dua bidang tersebut banyak memberi sumbangan kepada keperluan negara.
- Mengaplikasi Science, Technology, Engineering, Art & Mathematics. (STEAM) pada pameran pelajar tahun akhir. (Art Meet Science).
- Para pelajar dapat mengenalpasti peranan sebagai pereka dalam menjana ekonomi negara.
- Memberi pengetahuan dan panduan berkaitan dengan kursus rekabentuk grafik dan rekabentuk industri.
- Memupuk semangat dan motivasi kepada para pelajar dan secara tidak langsung dapat berinteraksi dan bertukar pandangan dan idea bersama para pereka dari pelbagai universiti.
- Mewujudkan satu jalinan perhubungan di antara semua pelajar Rekabentuk Grafik dan Rekabentuk Industri di seluruh Malaysia.



Pensyarah dan pelajar yang menjayakan LAKAR Design Show 2018